

172

SOALAN NO. 160

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan sasaran dan manfaat terhadap  
penganjuran buat kali pertama Bulan Kebajikan Negara yang  
berlangsung bermula 1 Oktober 2017.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Bulan Kebajikan Negara 2017 merupakan satu program inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang julung kali diadakan bagi mengiktiraf amalan dan penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat terutama kepada mereka yang memerlukan. Kementerian mengambil inisiatif penganjuran Bulan Kebajikan Negara 2017 ini berdasarkan kepada ketetapan yang terkandung di dalam dokumen Nasional Negara iaitu:

- i. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara yang menggariskan Kebajikan Tanggungjawab Bersama dengan membina dan memupuk semangat tolong-menolong dan bantu-membantu untuk mengukuhkan budaya ikram;
- ii. Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat yang Saksama; dan

- iii. Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memutuskan agar sambutan khusus bagi golongan sasaran yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya, kanak-kanak dan warga emas yang diraikan secara berasingan sebelum ini digabungkan di dalam satu majlis dan disambut secara serentak dalam satu bulan yang dinamakan sebagai Bulan Kebajikan Negara.

Sambutan ini merupakan salah satu platform untuk menjalinkan kerjasama multisektoral selaras dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui penggemblengan tenaga dan penyertaan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, pihak korporat, NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat dan komuniti setempat untuk bersama-sama mencurahkan khidmat bakti dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

Penganjuran Bulan Kebajikan Negara 2017 adalah selaras dengan pendekatan inklusiviti di mana semua masyarakat tidak akan

dipinggirkan dan ia merupakan komitmen dan inisiatif Kerajaan yang berteraskan Rancangan Malaysia Ke-11 dan *Sustainable Development Goal* (SDG) atau Agenda 2030. “Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat” telah dipilih sebagai tema penganjuran Bulan Kebajikan Negara 2017.

Majlis Prapelancaran Bulan Kebajikan Negara 2017 telah diadakan pada 10 September 2017 di Beaufort, Sabah yang mana mulai tarikh tersebut, setiap negeri turut mengadakan sambutan Bulan Kebajikan Negara 2017 di peringkat negeri masing-masing dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang menzahirkan tanggungjawab kebajikan secara inklusif melibatkan setiap lapisan masyarakat. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah ziarah kasih, kembara kebajikan, khidmat bantu di rumah, gotong royong, kempen keselamatan kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan, talentime kanak-kanak dan OKU, jualan produk kumpulan sasar, ceramah keusahawanan serta pameran perkhidmatan pelbagai agensi Kerajaan dan korporat.

Majlis Perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017 pula telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan

176

Perdana Menteri Malaysia pada 1 Oktober 2017. Semasa majlis tersebut pelbagai anugerah telah disampaikan yang mengiktiraf kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan menghargai pelbagai pihak yang menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat. Anugerah tersebut antaranya adalah Anugerah Pingat Hang Tuah, Anugerah Gemilang Kanak-kanak bagi kategori Akademik, Sukan dan Kebudayaan & Kesenian; Anugerah Khas Warga Emas, Anugerah Khas OKU bagi kategori Sukan, Usahawan dan Akademik; Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin dan penghargaan Tanggungjawab Sosial Korporat.

Sambutan Bulan Kebajikan Negara 2017 sejak dari 10 September – 1 Oktober 2017 di seluruh negara telah dihadiri dan dimeriahkan oleh 76,660 orang yang turut melibatkan diri dalam pelbagai program dan aktiviti kebajikan yang diadakan.

**SOALAN ( 161 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA  
[KETEREH]**

**SOALAN :**

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana impak penganjuran Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang telah dijalankan melibatkan agensi dan pelbagai golongan telah mencapai matlamatnya setakat kini dan apakah perancangan bagi terus mempromosikan TN50.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agenda TN50 adalah suatu gagasan yang bersifat inklusif serta dilaksanakan berteraskan pendekatan secara *bottom up* dalam memastikan suara rakyat didengari serta menyemai perasaan bahawa TN50 adalah milik bersama (*collective ownership*) di kalangan rakyat.

Bermula daripada bulan Januari 2017 sehingga kini, pelbagai aktiviti berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Belia dan Sukan serta kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Dalam setiap siri jelajah wacana TN50 yang dibuat, pelbagai idea, pandangan, cadangan dan aspirasi telah berjaya dikumpul mengikut kelompok atau segmen masyarakat yang terlibat. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan termasuklah sesi dialog, perbincangan meja bulat serta sesi *townhall* yang melibatkan *stakeholders* dan kumpulan sasaran masing-masing. Sehingga bulan September 2017, 28,000 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 58,400

individu. Manakala 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah terkumpul sehingga Jun 2017.

Kementerian Belia dan Sukan telah diberikan mandat untuk memulakan proses wacana nasional ini bersama golongan belia pada awal tahun 2017 kerana golongan belia pada hari ini akan menjadi pemimpin pada tahun 2050. Manakala sesi bersama kumpulan selain belia dimulakan pada pertengahan tahun 2017. Input daripada sesi *engagement* bersama golongan belia telahpun dikumpulkan dan dibahagikan kepada lima tema utama iaitu Ekonomi dan Pekerjaan, Kehidupan dan Kesejahteraan, Tadbir Urus, Masyarakat dan Gaya Hidup. Kumpulan Masa Hadapan dengan kumpulan pakar dalam pelbagai bidang kepakaran telah diwujudkan untuk lebih mendalami setiap tema tersebut. Selain itu input yang terkumpul setakat ini juga rata-ratanya menunjukkan rakyat Malaysia menitikberatkan tentang kualiti kehidupan, masyarakat yang mapan dan inklusif serta beridentitikan Malaysia ke arah tahun 2050. Kesemua input yang terkumpul dan hasil perbincangan Kumpulan Masa Hadapan ini kelak akan digunakan untuk penggubalan dokumen dasar TN50 oleh Jabatan Perdana Menteri yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang.



Aktiviti pengumpulan aspirasi dan input ini akan diteruskan sehingga akhir tahun 2017 sebelum penyediaan dokumen dasar TN50 pada tahun 2018. Semua pihak dilibatkan bagi memastikan tiada yang ketinggalan dalam menyuarakan aspirasi dan pandangan ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017